

Kontemporari Dan Berpandangan Jauh

JAWATAN KOSONG KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

Universiti Malaysia Sarawak mempelawa anda yang berkelayakan, dinamik dan berpandangan jauh untuk mengisi kekosongan jawatan Kumpulan Pengurusan Dan Profesional seperti berikut:

JAWATAN	: Pegawai Tadbir
GRED	: N41
SKIM PERKHIDMATAN	: Pengurusan dan Profesional
TARAF JAWATAN	: Tetap
BILANGAN KEKOSONGAN	: 3

Syarat-syarat Permohonan:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; **dan**
- (c) Pemohon hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
ATAU
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
DAN
- (d) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Jadual Gaji Minimum – Maksimum:

Gred	Minimum (RM)	Maksimum (RM)	Kenaikan Gaji Tahunan
N41	2,080.00	9,546.00	225.00

U N I M A S

A. Prosedur Permohonan:

Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian melalui <https://ehcm.unimas.my/eRecruitUNIMAS>

Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.

B. Tempoh Permohonan : 11 Mac 2019 hingga 17 Mac 2019

C. Makluman Ujian Tapisan dan/atau Temuduga:

Pemohon yang telah disenarai pendek akan dipanggil untuk menjalani ujian/proses tapisan yang akan ditetapkan oleh UNIMAS (jika perlu) sebelum dipanggil ke sesi temuduga.

Nota: Pemohon tidak perlu menghantar dokumen sehingga dipanggil untuk menghadiri ujian tapisan/temuduga (Disenarai Pendek) **TETAPI** perlu memuatnaik semua sijil-sijil berkaitan mengikut keperluan eRecruitUNIMAS.

D. Prosedur Penghantaran Dokumen Bagi Permohonan Yang Telah Disenarai Pendek:

- (1) Calon yang telah disenarai pendek dikehendaki menghantar **(satu (1) salinan)** borang permohonan (eRecruitUNIMAS) yang dicetak dan gambar berukuran pasport beserta **(satu (1) set)** salinan dokumen-dokumen yang telah disahkan seperti berikut:
 - (a) Kad Pengenalan
 - (b) Sijil Kelahiran
 - (c) Sijil-sijil akademik yang berkenaan beserta transkrip (PMR/SRP/setaraf, SPM/setaraf, STPM/Setaraf, Diploma, Ijazah Sarjana Muda)
 - (d) Sijil-sijil atau dokumen lain yang berkaitan
 - (e) Bagi pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Badan-Badan Berkanun/Kuasa-kuasa tempatan hendaklah memajukan permohonan mereka melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan melampirkan Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) terkini dan Kenyataan Perkhidmatan yang lengkap.
- (2) Dokumen permohonan hendaklah dihantar ke alamat seperti di bawah dengan kadar **SEGERA** atau semasa menghadiri ujian tapisan (jika ada).

Pendaftar
Universiti Malaysia Sarawak
94300 KOTA SAMARAHAN
(u/p : Unit Perjawatan & Pembangunan Organisasi)
Tel : 082-581000 Fax : 082-581095

- (3) Permohonan akan **DITOLAK** dan senarai pendek calon boleh **DIBATALKAN** sekiranya pemohon gagal mengemukakan salinan dokumen-dokumen yang telah disahkan seperti di atas, tidak lengkap atau tidak jelas, tidak ditandatangani, tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan, permohonan lewat diterima dan gambar tidak seperti yang ditetapkan (gambar *scan* tidak dibenarkan).
- (4) Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang maklumbalas selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan, maka permohonan berkenaan adalah **tidak berjaya**.

U N I M A S